

Lawatan PM ke India buka peluang niaga

17 OCT 2007
Oleh Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Rabu – Lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke India bermula hari ini, akan membuka lebih banyak peluang untuk usahawan tempatan menerokai bidang perniagaan baru di negara itu.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, yang turut menyertai delegasi Perdana Menteri, berkata, Malaysia-India mempunyai hubungan baik sejak dulu lagi dan lawatan Perdana Menteri akan mengeratkan lagi hubungan ekonomi dua hala.

Beliau berkata, liberalisasi dan perubahan ekonomi yang mengutamakan pasaran kini menjadi agenda baru India dalam meningkatkan hubungan dagangan dengan Asean, terutama dalam bidang pembinaan infrastruktur,

pelabuhan dan jalan, telekomunikasi, perhotelan, pelancongan, pemprosesan makanan serta tekstil.

“Agenda pembangunan besar-besaran di India ini wajar dimanfaatkan usahawan tempatan, khususnya sektor pembinaan bagi meneroka pasaran antarabangsa,” katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini sebelum berlepas ke India, hari ini.

Aliran dagangan dua hala Asean-India meningkat hampir 30 peratus daripada AS\$7.6 bilion (RM28.8 bilion) pada 1999 kepada AS\$9.88 bilion (RM37.5 bilion) tahun lalu.

Pada masa ini, Malaysia, Singapura dan Thailand adalah sumber utama pelaburan asing langsung (FDI) bagi India tetapi Malaysia menjadi pelabur terbesar di India dengan 24 projek

bernilai RM5 bilion sudah diselesaikan dan 27 lagi projek berharga RM20 bilion dalam pelbagai peringkat pembinaan.

Perdana Menteri melakan lawatan kerjanya ke India, Pakistan dan Arab Saudi hari ini hingga 21 Oktober bagi meningkatkan hubungan dua hala serta mempromosikan kerjasama ekonomi untuk manfaat bersama.

Dr Mahathir dijadual menemui Perdana Menteri India, Atal Bihari Vajpayee dan Presiden APJ, Abdul Kalam serta berucap pada Sidang Kemuncak Perniagaan India-Asean di Hyderabad.

Samy Vellu berkata, India menyuarakan minat untuk menjadikan Malaysia sebagai pintu masuk bagi meningkatkan hubungan dagangan dua hala dengan negara Asean lain menerusi penubuhan Kawasan

Perdagangan dan Pelaburan Serantau (RTIA).

“Pada dasarnya, Asean dan India bersetuju menjalin kerjasama ekonomi secara rasmi dan menubuhkan pasukan petugas khas bagi membuat perakuan dasar serta mekanisme kerjasama ekonomi kedua-dua pihak, yang akan diketuai Malaysia di pihak Asean dan India.

“Antara lain, kedua-dua pihak membuat perakuan terhadap Kajian Bersama Perhubungan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta)-India bagi menggalak kemakmuran ekonomi di rantau Asia Pasifik,” katanya.

Beliau berkata, persetujuan itu dicapai pada perundingan pertama Menteri-Menteri Ekonomi Asean (AEM) dengan India, pada 15 September lalu sempena mesyuarat ke-34 AEM.

Eksport Asean ke India termasuk resin, bahan plastik, getah asli, balak serta hasil kayu, minyak sawit, arang batu dan baja manakala import utama merangkumi batu permata serta barangan kemas, kapas, peralatan kejuruteraan, pengangkutan, mesin serta barangan elektronik.

Samy Vellu berkata, memorandum persefahaman (MoU) bagi pembinaan jalan, dua dengan kerajaan negeri Chhattisgarh dan dua lagi dengan kerajaan negeri Jharkand akan ditandatangani sempena Sidang Kemuncak Perniagaan India-Asean di New Delhi dan Hyderabad.

Katanya, India bercaadang membina jalan sepanjang 12,000 kilometer dan jika kontraktor tempatan mendapat tender untuk sebahagian daripadanya pun sudah mencukupi.